

USIM sasar tambah penuntut

SEREMBAN 6 Dis. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyasarkan untuk menambah bilangan penuntut kepada 16,000 orang dalam tempoh lima tahun sepanjang 2015 hingga 2020.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda berkata, sasaran itu dijangka dicapai melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan di bawah Bidang Sumber Utama (KRA) USIM.

“Buat masa ini, USIM mempunyai kira-kira 8,000 penuntut secara keseluruhan dan dijangka bertambah dua kali ganda menjelang tempoh berkenaan.

“Kesemua penuntut berkenaan sedang mengikuti kursus yang ditawarkan di bawah lapan fakulti di universiti ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Menurutnya, bagi memastikan kelancaran operasi dan pengajian, pihaknya akan menan-
bilangan kakitangan dan memasukkan para akademik dalam tempoh lima tahun itu.

“Sehingga kini, kita mempunyai 1,350 kakitangan pengurusan termasuk 500 tenaga akademik dan dijangka ditambah kepada 2,200 menjelang 2015 hingga 2010.

Jelasnya, pihaknya juga menyasarkan peningkatan pelajar asing untuk melanjutkan pengajian di USIM daripada 2,300 penuntut kepada 4,000 pelajar.

Dalam pada itu, Muhamad berkata, dalam tempoh yang sama, kemudahan kediaman termasuk fasiliti pelajar akan ditingkatkan.

“Kini kita hanya mampu menampung 2,000 penuntut untuk tinggal di asrama dalam kampus, selebihnya terpaksa menetap di kolej kediaman luar kampus yang disewa USIM.

“Kita akan menambah lima lagi blok asrama dalam tempoh dua hingga tiga tahun yang kini dalam proses pembinaan,” ujarnya.